



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Pengguna tak tanggung kos tukar meter pintar TNB</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Tiada rahsia</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Mesin kupas kelapa 10 saat</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Jomo: Msian businesses need boost</u>	The Star	Rujuk lampiran 4
5.	<u>3 kilang haram didakwa</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Smoke gets in their eyes</u>	The Star	Rujuk lampiran 6
7.	<u>Cuaca dijangka baik sehingga hujung minggu ini</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Langkah optimum sumber tenaga kerja</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 8
9.	<u>Keputusan Pengurusan Sisa Lynas</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 9

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
10.	<u>JICA bantu urus pencemaran udara</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
11.	<u>10 Polisi yang mendapat reaksi negatif adalah:</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11



Akhbar Tempatan

12.	<u>Irfan bersemangat ke sekolah</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 12
13.	<u>Kes berulang jejas emosi</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 13
14.	<u>Lessons we must heed in wake of Sg Kim Kim Calamity</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 14
15.	<u>Tuntut bebas pencemaran</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 15
16.	<u>Pelajar Unisel kutip 150kg sampah di Pantai Remis</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 16

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
17.	<u>Banjir kilat landa Washington D.C.</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 17
18.	<u>Enggan jadi lubang sampah</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 18
19.	<u>Indonesia to ship back 210 tonnes of waste to Australia</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 19
20.	<u>Indonesia to send back waste</u>	The Star	Rujuk lampiran 20
21.	<u>Saintis cipta makanan daripada udara</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 21
22.	<u>Indonesia pulangkan sampah Australia</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 22
23.	<u>Indonesia 'hantar balik sampah' ke Australia</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 23
24.	<u>Indonesia hantar balik sampah</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 24

LAMPIRAN 1
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Kuala Lumpur: Kos penukaran meter pintar tidak ditanggung oleh pelanggan dan pengguna juga tidak perlu membayar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraisah Munirah Majlis berkata, perolehan meter pintar itu dilaksanakan secara sistem tender terbuka kepada pembekal tempatan menerusi penilaian kewangan secara komersial.

Beliau berkata, penggunaan meter pintar juga bukanlah faktor utama mengapa bil elektrik melambung tinggi seperti yang tular, baru-baru ini.

Pengguna tak tanggung kos tukar meter pintar TNB

Menurutnya, kejadian peningkatan bil mendadak sebelum ini yang dialami sebilangan pengguna TNB dalam tempoh 15 hingga 20 Mei lalu disebabkan oleh gangguan teknikal sistem pengebilan (billing) dan pengurusan khidmat pelanggan TNB dan bukannya disebabkan penggunaan meter pintar.

“Dalam tempoh itu bil tidak dapat dikeluarkan seperti biasa dan memberi kesan kepada jumlah bil semasa. Bagaimanapun kesilapan itu sudah dise-

“**Kejadian peningkatan bil mendadak sebelum ini yang dialami sebilangan pengguna TNB dalam tempoh 15 hingga 20 Mei lalu disebabkan gangguan teknikal sistem pengebilan**”

Isnaraisah

laraskan manakala lebih bayaran juga sudah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna.

“Menerusi Suruhanjaya Tenaga, kerajaan komited menangani aduan rakyat dengan memberi notis segera kepada TNB.

“Sehingga 3 Julai lalu, 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan kepada TNB sudah disiasat serta diselesaikan,” katanya ketika menjawab soalan Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa) mengenai meter pintar TNB.

LAMPIRAN 2 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Johor Bahru: Kanak-kanak di Pasir Gudang antara golongan berisiko tinggi mengalami masalah obesiti pada masa hadapan, sekiranya masalah pencemaran di kawasan itu berterusan. Pakar Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica), Dr Shohei Matsuura berkata, masalah itu pernah dialami kanak-kanak ketika tragedi pencemaran akibat bencana industri Minamata di Kumamoto, Jepun pada 1960.

Kanak-kanak berisiko obesiti

Beliau berkata, apabila berlaku bencana pencemaran, golongan kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai risiko kesihatan terpaksa dibataskan aktiviti sukan atau riadah di luar bangunan. Menurutnya, apabila pergerakan mereka dan aktiviti terhad, akhirnya ia menyumbang kepada risiko

masalah kegemukan. Katanya, keadaan sama boleh berlaku di Pasir Gudang sekiranya bencana industri di kawasan itu berterusan dalam tempoh yang lama. "Di Jepun, tragedi berkenaan adalah antara sejarah hitam dan kerana ia berlaku bagi tempoh lama, kanak-kanak terpaksa menge-


hadkan aktiviti di luar bagi mengelak risiko. "Kajian menunjukkan ia memberi kesan jangka panjang terhadap kesihatan kanak-kanak termasuk masalah obesiti atau berat badan berlebihan," katanya ketika hadir ke sesi perkongsian khas Pakar Jica sempena Disaster Risk Reduction and Management (DRRM)

di Bilik Gerakan Bencana Negeri, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Johor di sini. Program anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu diadakan bermula 9 sehingga 11 Julai ini. Dr Shohei berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan atau kerajaan negeri sekiranya mendapat permintaan bagi menjalankan kajian berkaitan pengurusan

risiko bencana di Pasir Gudang. "Saya yakin ada pelabur Jepun di Pasir Gudang. Jepun adalah antara negara yang sering dilanda bencana dan JICA memiliki kepakaran dan pengalaman luas dalam mengurus mangsa bencana alam. "Kami sedia berkongsi ilmu berkenaan dengan kerajaan negeri sekiranya mendapat permintaan," katanya.

BAYU BERACUN BERULANG
Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

SEKOLAH Kebangsaan Pasir Gudang 2 dan perumahan yang bersebelahan dengan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.



Pasir Gudang
"T idak ada apa-apa untuk dirahsiakan. Semua sisa toksik Sungai Kim Kim sudah dihantar secara berperingkat ke Negeri Sembilan untuk proses pelupusan bermula 9 April lalu hingga 29 Mei lalu," kata Pengarah Teknikal SE Resources Pasir Gudang, N Shanker. Beliau mengulas persepsi masyarakat berhubung isu pencemaran udara yang berlaku di Pasir Gudang ketika ini yang dikaitkan dengan pencemaran di Sungai Kim Kim. Beliau berkata, syarikat miliknya adalah antara tiga syarikat diberi tanggungjawab membersihkan Sungai Kim Kim sepanjang 1.5 kilometer (km) bermula jam 9.30 malam, 13 Mac lalu. Menurutnya, sebanyak 346 tan metrik sisa rawatan dihantar secara berperingkat ke Negeri Sembilan untuk proses pelupusan. "Setiap kali penghantaran dilakukan, ia membatik 20 hingga 36 tan sisa bergantung kepada kapasiti yang boleh diangkat kenderaan berat digunakan ketika itu. "Semua bahan untuk dilupuskan itu dalam bentuk pepejal tanah kering yang mengandungi Total Organic Carbon (TOC) sebanyak lima peratus," katanya. Shanker berkata, seramai 120 pekerja syarikat yang terlibat dalam usaha memindahkan sisa itu tidak mengalami masalah kesihatan dan keadaan itu membuktikan tahap kawalan setiap bahan toksik diuruskan.

Tiada rahsia

■ Semua 346 tan metrik sisa toksik Sungai Kim Kim sudah dihantar untuk proses pelupusan

"Syarikat saya turut memantau keadaan sisa di kilang dengan menggunakan makmal termasuk melakukan analisis udara di sekeliling kilang. "Kami melakukan pembungkusan dengan betul berdasarkan pengalaman melakukan kerja-kerja pelupusan bahan haram di Johor sejak 14 tahun lalu," katanya. Malah, menurutnya, syarikatnya mempunyai bukti dokumen menunjukkan semua kerja pembersihan di Sungai Kim Kim sudah dilaksanakan dengan sempurna. "Ini (dokumen) adalah bukti ketika kita mengambil sisa di Sungai Kim Kim dan semua sisa itu sudah dire-

kodkan. "Dokumen ini juga mengandungi kronologi bagi aktiviti pembersihan dilakukan dan laporan penuh sudah dihantar ke jabatan kerajaan termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya semalam. Beliau berkata, menjadi tanggungjawab syarikat itu untuk membetulkan persepsi serong masyarakat terhadap kes keracunan baharu yang berlaku di Pasir Gudang pada 20 Jun lalu. "Ramai masih mengaitkannya dengan punca pencemaran toksik di Sungai Kim Kim. "Apa yang saya lihat, kes pencemaran toksik Sungai Kim Kim pada Mac lalu berbeza de-

ngan kes berlaku bulan lalu walaupun mempunyai simptom loya, pening dan muntah. "Bagaimanapun, pemeriksaan kesihatan mendapati tiada bahan kimia ditemui di dalam darah pesakit," katanya merujuk pada kes pencemaran udara terbaharu.



Terpaksa sekat anak asma

Pasir Gudang: "Dalam keadaan tidak menentu ini, memang ibu bapa akan mengehendkan pergerakan anak-anak meskipun sedar tindakan itu mengakibatkan anak-anak tidak cergas," kata suri rumah, Norziah Nordin, 39.

Menurutnya, dia tiada pilihan lain selepas mengambal kira keadaan anak yang mengalami masalah asma dan terjejas kesihatan jika berada di persekitaran luar sebelum ini. "Saya akui isu golongan kanak-kanak berisiko mengalami masalah obesiti atau berat badan berlebihan boleh terjadi kesan pencemaran udara yang berlaku. "Bagaimanapun banyak aktiviti boleh dilakukan di dalam rumah bagi memastikan kesihatan anak-anak berada pada tahap terbaik bergantung kepada kreativiti ibu bapa. "Jika tidak pun luangkan masa cuti hujung minggu untuk beriadah bersama anak-anak di luar Pasir Gudang bagi mengelak gejala obesiti memberi kesan jangka panjang," katanya.

SHANKER

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 68
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Mesin kupas kelapa 10 saat

Inovasi guru GIATMARA dibantu 22 pelajar permudah proses leri kulit

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Pemerhatian terhadap kesukaran proses mengupas kelapa mendorong seorang guru GIATMARA Bachok mencipta mesin yang membolehkan buah berkenaan dikupas dalam masa 10 saat.

Mesin yang dicipta dengan bantuan 22 penuntut jurusan automotif itu menggunakan peralatan besi paip, besi 'hollow' dan spring untuk memudahkan proses mengupas kelapa.

Fauzi Zakaria, 51, berkata idea inovasi mesin itu tercetus selepas melihat kesukaran orang ramai terutama wanita dan peniaga mengupas kelapa dalam tempoh agak lama.

Justeru, beliau membuat kajian untuk mencipta sesuatu yang berupaya memudahkan kerja dengan proses lakaran mesin bermula awal tahun ini.

"Saya mengambil masa sebulan untuk merangkap konsep dan lakaran secara teliti.

"Alhamdulillah, mesin ini membolehkan sebiji kelapa dikupas dalam 10 saat, manakala kelapa tua pula paling lama 40 saat.

Alhamdulillah, mesin ini akan membolehkan sebiji kelapa dikupas dalam 10 saat, manakala kelapa tua pula paling lama 40 saat.

Fauzi Zakaria
guru GIATMARA Bachok

"Mata mesin yang tajam menjadikan kerja mengupas kelapa mudah dan dalam beberapa jam ia mampu mengupas ratusan biji kelapa," katanya ketika ditemui di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, baru-baru ini.

Beliau mengambil masa beberapa hari mencanai besi untuk menghasilkan pisau pemotong yang tajam dengan menggunakan besi tebal serta tahan karat bagi memastikan alat berkenaan tahan lama.

Fauzi bercadang mengkomersialkan mesin itu bagi memudahkan kerja penjual kelapa, sekali gus membantu meningkat-



Fauzi menunjukkan mesin pengupas kelapa yang dicipta ketika ditemui di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, baru-baru ini.

[Foto Zaman Huri Isa/BH]

kan pendapatan mereka.

"Ramai yang membuat tempahan kerana berminat dengan mesin kupas kelapa itu, namun saya mengambil masa untuk menyikapkannya kerana komitmen terhadap tugas.

"Tempahan datangnya daripada individu dan syarikat serta jabatan kerajaan," katanya.

Fauzi berkata, ciptaan itu memenangi pingat emas pada pertandingan Anugerah Reka Cipta dan Inovasi Antarabangsa di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada Februari lalu, selain mendapat geran RM30,000 daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

LAMPIRAN 4
 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 11
 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Jomo: M'sian businesses need boost

'Country has skilled workforce but could use a more enabling environment'

By P. ARUNA
 aruna@thestar.com.my

PETALING JAYA: While Malaysia has a highly skilled and talented workforce, a more enabling environment is needed to help businesses achieve their potential, economist Prof Dr Jomo Kwame Sundaram said.

Speaking to reporters at the Malaysia-China Outlook Forum 2019 on Monday, Jomo said there was no question that Malaysians had the talent required to capitalise on business opportunities.

Citing the palm oil industry as an example, he noted that Malaysia only started refining palm oil in the 1970s, and quickly moved on to become the world's most efficient refiner within a decade.

"It is not that we don't have the talent - what we need is a more enabling environment to support our businesses," he said after addressing delegates on US-China relations and world economic tensions.

Jomo said the government and the relevant agencies should encourage Malaysian companies to pursue promising business opportunities in areas such as solar panels or innovations in the

**MALAYSIA-CHINA
 OUTLOOK FORUM 2019**
 WHAT'S NEXT AFTER BEIJING BRI FORUM

food business, instead of remaining focused on traditional forms of businesses.

"Malaysia is among the biggest source countries for solar panel exports, but it is produced mainly by foreign firms operating here.

"It is not a complex technology - we can definitely do it.


"There just needs to be an effort made towards this," he said.

Given the rising global temperature, he said, there was huge potential for the technology.

In terms of creating an enabling environment for this, Jomo said the authorities should be encouraging the use of solar panels in Malaysia instead of still heavily relying on resources such as coal for power generation.

At the moment, only 2% of Malaysia's electricity is generated by renewable energy sources such as solar energy, as it remains highly dependent on fossil fuel resources such as oil, coal or natural gas.

"There is a lot to think about in terms of creating the right environ-



Think outside the box: Jomo delivering his presentation on 'US-China Relations and World Economic Tensions' during the Malaysia-China Outlook Forum 2019 at Sheraton Hotel in Petaling Jaya.

ment to help our businesses move forward," he said, adding that companies could also benefit from advice on how to negotiate better deals.

On innovations in the food business, Jomo said many Malaysians suffered from protein or iron deficiencies, and businesses could come up with innovations to address this.

"We must change the way we

produce food, and pay more attention to the welfare of the people.

"It is not easy, but we can enable this," he said.

The forum, organised by Star Media Group Bhd, was also attended by China's Ambassador to Malaysia Bai Tian, Star Media Group chairman Datuk Fu Ah Kiow, as well as Star Media Group independent non-executive director Chart-Seng Fatt and non-inde-

pendent non-executive director Datuk Dr Mohd Aminuddin Mohd Rouse, and Malaysian Investment Development Authority chairman Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

The forum was sponsored by LBS Bina Group Bhd, while Sheraton Petaling Jaya was the official venue and the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia was the working partner.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Pencemaran udara di Pasir Gudang

3 kilang haram didakwa

Kesalahan babit langgar syarat lesen, tak sedia laporan penilaian alam sekitar

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Pasir Gudang: Tiga kilang termasuk kilang kimia haram yang beroperasi di sini, akan didakwa atas kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menjelang hujung bulan ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata kesalahan tiga kilang berkenaan dikesan ketika operasi bersepadu yang dijalankan di kawasan perindustrian berkenaan sejak hampir dua minggu lalu.

"Kilang kimia haram berkenaan dikesan memproses semula sisa kimia, manakala dua lagi membabitkan sebuah kilang kimia berlesen dan kilang kitar semula.

"Antara kesalahan serius yang dilakukan ialah melanggar syarat lesen, tidak menyediakan laporan penilaian alam sekitar dan beroperasi secara haram.

"JAS Johor sedang menyiapkan kertas siasatan dan akan mendapatkan nasihat Penasihat Undang-Undang kami sebelum menyerahkannya kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan pendakwaan menjelang hujung bulan ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Insiden pencemaran udara sejak 20 Jun lalu menjejaskan ratusan murid dan pelajar sekolah



Pegawai JAS membuat pemeriksaan di sebuah kilang kimia di Pasir Gudang, semalam.

[Foto Hairul Anuar Rahim/BH]

di Pasir Gudang dan kawasan sekitarnya.

Bagaimanapun, bacaan kualiti udara yang diambil di sekolah terjejas mendapati tiada gas kimia berbahaya dikesan.

Pada 22 hingga 27 Jun lalu, semua 111 sekolah rendah dan menengah, tiga institusi pengajian tinggi (IPT), 347 tadika serta 14 sekolah swasta dan antarabangsa di Pasir Gudang diarah tutup sementara kerja mengatasi isu pencemaran udara dijalankan pihak berkuasa.

Setakat ini, tiga jenis gas dikesan dalam insiden gangguan kesihatan di Pasir Gudang iaitu gas metil merkaptan, akrilonitril dan akrolein yang kehadirannya satu anomali atau di luar kelaziman.

Sementara itu, Wan Abdul Latiff berkata, bacaan Volatile Or-

ganic Compound (VOC) di daerah berkenaan dikesan mengalami peningkatan pada waktu malam.

Katanya, JAS Johor meningkatkan operasi bersepadu di kawa-

Kilang kimia haram berkenaan dikesan memproses semula sisa kimia, manakala dua lagi membabitkan sebuah kilang kimia berlesen dan kilang kitar semula.

Wan Abdul Latiff Wan Jaafar,
Pengarah Jabatan Alam Sekitar

san perindustrian bagi memastikan semua premis kilang mematuhi peraturan pelepasan efluen.


"JAS Johor mendapati apabila malam, suhu menjadi sejuk dan lembap menyebabkan gas terampai di udara menjadi berat sebelum turun ke permukaan bumi.

"Ini mungkin menyebabkan insiden gangguan kesihatan di sekolah pada awal pagi kerana apabila cuaca panas, gas menjadi ringan dan terampai tinggi ke udara semula.

"Kita akan meningkatkan pemantauan bagi mengesan jika ada pengusaha kilang yang degil dengan melepaskan efluen secara haram pada sebelah malam.

"Pemeriksaan inventori industri juga akan dibuat bagi memastikan mereka tidak menyimpan sisa kimia berbahaya yang tidak dilupuskan di premis," katanya.

LAMPIRAN 6 THE STAR (METRO): MUKA SURAT 27 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)



Mohammad Azlan pointing out the illegal burning sites from his flat in Saujana Rawang. — Photos: AZLINA ABDULLAH/The Star

Smoke gets in their eyes

Open burning in Saujana Rawang keeps residents up at night, trapped at home in daytime

By CHRISTINA LOW and PRISILLIA ANN PATRICK christinalow@thestar.com.my

AFTER two weeks of sleepless nights, residents at a low-cost apartment in Saujana Rawang can no longer put up with the nightly open burning activities near their homes.

"It starts just after midnight, every day, and the smell is unbearable," said Pangsapuri Nuri Fasa 20A Residents Association chairman Zulkefly Deil.

He said residents used to meet up after dinner in the common area at the six-storey apartments but had to retreat to their units when the open burning began.

The smoke and stench is causing breathing problems for Siti Fatimah Md Roslan's young children and others living in the neighbourhood.

"My children have been coughing for the past week and are having trouble breathing.

"We have been keeping the windows locked throughout as the smoke is unbearable," she added.

Some of the children who usually play on the ground floor of the flats have also stopped meeting up in the morning.

Siti Fatimah said they had resorted to playing indoors and would only go outdoors after a downpour.

"When it rains the smell goes away and we get to come out and enjoy the fresh air, before it becomes polluted again at night," said the 36-year-old.

Another resident, Mohammad Azlan Hassan who lives on the fourth floor, said he could spot the open burning in the morning from his unit.

"The fire has died down but we can see smoke coming from different spots and they are close to one another," he said, figuring that the culprits might have chosen to burn in small quantities to avoid being caught.

He suspected the burning mate-

rials might be plastic as there was a strong chemical smell in the air.

Mohammad Azlan took *StarMetro* to the rooftop of the six-year-old building to show us the burning sites.

The apartment block is surrounded by lush greenery, undeveloped private lands and the Sungai Garing running nearby.

Rawang assemblyman Chua Wei Kiat, who heard about the situation, visited the flats and later, the burning sites together with enforcement officers from Selangor Municipal Council (MPS), Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) and Selangor Department of Environment (DOE).

"After about 15 minutes driving along an unnamed road, we began spotting piles of rubbish scattered in small amounts near the river.

"Most of the rubbish consisted of plastic containers, old tyres, broken furniture and used bottles of chemical products," said Chua.

Some piles were construction waste materials such as broken tiles and empty paint tins, he added.

"As we drove further and passed several factories, piles of burnt rubbish began to emerge, a few of which seemed still fresh and looked like they were set alight the night before.

"It is difficult to understand why these people are willing to come all the way here to dispose of their waste," said Chua who had a tough time making his way through the bumpy path before finding the site himself.

He stopped his vehicle a few times along the way to snap photographs of the rubbish.

He admitted that it would be an uphill task to find the culprits of the illegal dumping and open burning.

After discussing with the enforcement officers, Chua said his team would contact Selangor Land and Mines Department to get details on the owner of the land in question.

"Once we know who the land-



Enforcement officers assessing the situation at the illegal dumpsite on private land.



(From left) Chua and his assistant Jackson Tan listening to complaints from residents at Pangsapuri Nuri.

owner is, we will issue a notice to them," he said, adding that it was the landowner's responsibility to secure their property and prevent trespassers.

Meanwhile, Selangor DOE said it would monitor sites near the rivers to ensure the water quality was not affected by the illegal activities.

When asked if a boom gate would be installed to deter outsiders from entering the area,

Chua said such an action would need the agreement of all the landowners in the area, which might take time.


As immediate measure, he said MPS would monitor the situation by conducting frequent visits to the sites.

"We will look into the possibility of installing closed-circuit television cameras to try and nab the culprits," he added.

LAMPIRAN 7
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)



PELAJAR Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Ainus Syukriyah membersihkan kelengkapan selepas banjir surut.



Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Enam kali dilanda banjir

Alor Gajah

Seramai 90 pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Ainus Syukriyah di Kampung Panchor, Durian Tunggal terjejas akibat banjir, Ahad lalu. Air yang naik secara mendadak pada jam 4.40 pagi itu menyebabkan Pengetuanya, Mohd Sofian Ahmad Shukri dan 10 guru serta pelajar terbabit hanya sempat menyelamatkan al-Quran dan kitab rujukan. Mohd Sofian berkata, beliau dan guru serta pelajar bersiap-siap untuk memulakan qiamullaili pada jam 4 pagi tetapi hujan lebat mulai 2 pagi menyebabkan air dari parit berhampiran melimpah.

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Ainus Syukriyah dinaiki air 1.5 meter

'Saya segera mengarahkan pelajar menyelamatkan al-Quran dan kitab pengajian serta berkumpul di tempat selamat meninggalkan peralatan lain di dalam asrama dan bilik kuliah. 'Nyawa pelajar lebih penting dan dalam tempoh tidak sampai sejam, air naik 1.5 meter menyebabkan kami tidak sempat menyelamatkan kelengkapan dan peralatan lain,' katanya ketika

ditemui, semalam. Mereka turut membantu 20 pelajar dari Pusat Tahfiz al-Quran Al-Qamar di Ayer Hitam Pantai, Masjid Tanah dan 10 pelajar dari Pusat Tahfiz As-Solihin, Merlimau. Mengulas lanjut, Mohd So-

fian berkata, sejak pusat tahfiz itu beroperasi tiga tahun lalu, ia sudah lebih enam kali ditenggelami banjir menyebabkan pelbagai kerosakan. Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan menghubungi Mohd Sofian di talian 019-6505159 atau melalui akaun Maybank maahad tahfiz berkenaan di nombor 554044515118.

Cuaca dijangka baik sehingga hujung minggu ini

Kuala Lumpur: Keadaan cuaca di seluruh negara termasuk Melaka dijangka baik sehingga hujung minggu ini.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, negara ketika ini berada dalam fasa Monsun Barat Daya yang lazimnya bercuaca kurang hujan.

'Namun, faktor keadaan angin yang berubah kadang kala menyebabkan kadar hujan menjadi lebih banyak.

'Monsun Barat Daya itu akan berterusan sehingga pertengahan September depan.

'Kita menjangkakan cuaca baik di seluruh negara sehingga hujung minggu ini,' katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Sebelum ini, lebih 1,000 mangsa membabitkan 255



ANTARA keluarga mangsa banjir yang masih berada di Pusat Pemindahan Sementara di Sekolah Kebangsaan Kerubong.

keluarga di sekitar Alor Gajah dan Melaka Tengah dipindahkan selepas keadaan mereka dilanda banjir.

Semua mangsa ditempatkan di 11 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di dua daerah berkenaan.

Namun, kini jumlah mangsa berkurangan kepada 714 orang dan tujuh PPS sudah ditutup secara berperingkat.

Kata jurucakap itu, selain Melaka, negeri lain seperti Selangor, Johor dan Negeri Sembilan turut menerima jumlah hujan yang banyak.

'Keadaan itu bagaimanapun dijangka hanya bersifat sementara.

'Kita turut menjangka cuaca di Melaka bertambah baik bermula hari ni selepas mengalami hujan sejak Sabtu lalu,' katanya.

LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN (WANITA KELUARGA): MUKA SURAT 75
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Inisiatif galak warga emas kembali bekerja

Langkah optimum sumber tenaga kerja

Penuhi keperluan pasaran, wujud suasana lebih berdaya saing

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Inisiatif menggalakkan warga emas kembali bekerja selepas bersara dilihat sebagai mekanisme terbaik mengoptimalkan sumber tenaga bagi memenuhi pasaran kerja yang lebih berdaya saing.

Felo Akademi Sains Malaysia, Dr Madeline Berma, berkata usaha ini sejajar dengan status Malaysia sebagai negara tua menjelang 2030.

Beliau berkata, 11 tahun lagi, individu berusia 65 tahun dijangka meningkat sekali gus menyaksikan jangka hayat semakin panjang disebabkan kemudahan perkhidmatan perubatan yang semakin canggih.

Katanya, berhadapan situasi itu, kerajaan perlu bersedia menerusi pelan pelaksanaan nasional dengan memberi perhatian khusus kepada warga emas, selain mengambil kira kebajikan mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup.

"Ini penting kerana peningkatan populasi warga emas menambah permintaan bagi kemudahan kesihatan, rekreasi, pengangkutan serta sistem sokongan terutama perbelanjaan sara diri.

"Justeru berbekalkan kepakaran, ilmu dan pengalaman yang mereka miliki boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negara," katanya ketika dihubungi BH.

Sejajar perkembangan itu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), aktif merangka pelan menggalakkan pesara kembali sebagai tenaga kerja aktif.

Laporan penyelidikan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) KWAP baru-baru ini, menunjukkan pesara kerajaan dan bakal pesara masih produktif untuk menajana ekonomi keluarga walaupun sudah meninggalkan pekerjaan selepas bersara.

Bengel Pesara Aktif Berkerja anjuran KWAP, membantu pesara awam dan organisasi ber-



Ini penting kerana peningkatan populasi warga emas menambah permintaan bagi kemudahan kesihatan, rekreasi, pengangkutan serta sistem sokongan terutama perbelanjaan sara diri.

Madeline Berma, Felo Akademi Sains Malaysia

kaitan meningkatkan peluang kembali bekerja bagi memastikan kelestarian sumber manusia.

Madeline berkata, peluang pekerjaan kepada pesara bukan hanya mengurangkan kebergantungan kepada simpanan, sedia ada, malah pada masa sama menggalakkan cara hidup lebih seimbang dan berkualiti.

Eksekutif Open University Malaysia (OUM), Noraini Long, 39, berkata persediaan menghadapi hari tua perlu dilakukan seawal usia.

Persediaan itu katanya, bukan sekadar menyediakan simpanan kewangan semata-mata, malah yang penting penjagaan kesihatan dengan sempurna untuk kekal sihat dan cergas.

"Di awal kerjaya kita biasanya terikat dengan pelbagai komitmen antaranya bayaran balik



Langkah menggalakkan warga emas bekerja selepas bersara dapat mengoptimalkan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan pasaran kerja serta berdaya saing. (Foto Hiasan)



Dana persaraan tidak boleh diharapkan pada imbuhan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semata-mata kerana akan habis dalam tempoh beberapa tahun jika gagal diurus dengan sempurna.

Noraini Long, Eksekutif OUM

pinjaman pengajian dan membeli kenderaan.

"Apabila status kewangan semakin stabil ketika memasuki usia 30-an, fokus terarah kepada cara mempelbagaikan instrumen pelaburan terutama simpanan paksa.

"Ini kerana dana persaraan tidak boleh diharapkan pada imbuhan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semata-mata kerana akan habis dalam tempoh beberapa tahun saja jika gagal diuruskan dengan sempurna," katanya yang selesa menggunakan perkhidmatan komuter dari Bangi ke ibu negara setiap hari berbanding memandu.

Sebagai persediaan lain, Noraini berkata, setiap individu bekerja harus memaksimumkan simpanan menerusi pelaburan unit amanah selain simpanan khas dengan kadar pulangan ber-



Sejak enam tahun lalu saya menjadi tukang jahit sepenuh masa. Keputusan dibuat selepas mengikuti latihan menjahit. Perolehan yang tidak menentu menjadikan saya lebih berdisiplin dalam berbelanja.

Aida Fazira Nazri, Tukang jahit

daya saing.

Tukang jahit, Aida Fazira Nazri, 33, berkata keputusan meninggalkan kerjaya yang menjanjikan imbuhan tetap menguji kemampuan diri menerajui bidang perniagaan dengan menguruskan perolehan secara bijak.

"Sejak enam tahun lalu saya menjadi tukang jahit sepenuh masa. Keputusan dibuat selepas mengikuti latihan menjahit. Perolehan yang tidak menentu ini menjadikan saya lebih berdisiplin dalam berbelanja," katanya.

"Memandangkan saya tiada mencarum bersama KWSP, namun sentiasa optimis mengembangkan perniagaan dan simpanan sebagai persiapan menjelang hari tua.

"Saya bercadang menjelang usia 45 tahun boleh bersara awal untuk menikmati masa sendiri



Jika diizinkan saya mahu melangsaikan semua pinjaman perumahan pada tempoh yang singkat selain hendak menikmati tempoh persaraan tanpa sebarang beban hutang.

Hana Malissa Mazlan, Penolong Pegawai Perancang Bandar

selain menikmati hasil simpanan dan membelanjakannya secara berhemah," katanya tinggal di Kampung Baru.

Bagi Penolong Pegawai Perancang Bandar, Hana Malissa Mazlan, 33, beliau tidak mempunyai perancangan mengikut jejak langkah rakan sama pengajiannya, Aida Fazira, tetapi seronok memiliki aset rumah kos rendah dan rumah kedai yang kini disewakan.

"Jika diizinkan saya mahu melangsaikan semua pinjaman perumahan pada tempoh yang singkat selain hendak menikmati tempoh persaraan tanpa sebarang beban hutang.

"Sebagai perancangan masa depan, saya akan membuka perniagaan selain merancang mempelbagai dana simpanan untuk masa depan diri dan keluarga," katanya yang menetap di Shah Alam.

LAMPIRAN 9
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 9
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

SOAL JAWAB

PROJEK KVDT DITERUSKAN

FAHMI FADZIL (PH-Lembah Pantai) bertanyakan mengenai status terkini projek menaik taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa 1 dan Fasa 2.

MENTERI PENGANGKUTAN, ANTHONY LOKE SIEW FOOK:

Projek KVDT Fasa 2 sepanjang 110 kilometer diteruskan dengan pengurangan kos berjumlah lebih RM700 juta. Jemaah Menteri pada 5 Julai lalu memutuskan projek berkenaan diteruskan oleh syarikat Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd. membabitkan kos kontrak baharu sebanyak RM4.475 bilion, iaitu pengurangan sebanyak 15 peratus daripada kos projek asal.

60 PKS TERPILIH SERTAI PROGRAM RA

KHOO POAY TIONG (PH-Kota Melaka) bertanyakan mengenai hasil program Penilaian Kesediaan (RA) setakat ini.

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, DR. ONG KIAN MING:

Sebanyak 60 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terpilih untuk menjalani program RA bagi penghijrahan ke platform Revolusi Industri 4.0. Kesemua PKS berkenaan dipilih daripada 475 permohonan oleh PKS di seluruh negara setakat 3 Julai lalu dan telah menjalani proses saringan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu RA bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam pemilihan yang dibuat.

KEPUTUSAN PENGURUSAN SISA LYNAS

KHAIRY JAMALUDDIN (BN-Rembau) bertanyakan langkah kementerian terhadap pengurusan sisa buangan dari kilang memproses nadir bumi, Lynas Corp apabila kerajaan bersetuju dan membenarkan kilang tersebut terus beroperasi di negara ini.

TIMBALAN MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM, ISNARAISSAH MUNIRAH MIJILIS:

Keputusan kerajaan mengenai pengurusan sisa buangan daripada Lynas Corp. dan semua syarat pengurusan *Water Leach Purification* (WLP) yang dikenakan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom akan diumumkan pada pertengahan Ogos 2019. Kementerian telah menerima hasil sesi pendengaran rayuan oleh Lynas pada 28 Jun lalu sama ada untuk menarik semula atau tidak arahan supaya syarikat itu membawa balik bahan buangan ke Australia.



KHAIRY JAMALUDDIN



LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

JICA
bantu urus
pencemaran
udara

JOHOR BAHRU 9 Julai - Penduduk sekitar Pasir Gudang khususnya di kawasan yang terjejas dengan pencemaran udara berisiko menghidap masalah obesiti sekiranya pencemaran tersebut tidak ditangani dengan segera.

Pakar Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA), Dr. Shohei Matsuura berkata, mereka yang paling terjejas dengan perkara tersebut merupakan kanak-kanak berbanding orang dewasa.

Menurut beliau, ini kerana masalah pencemaran udara akan menghadkan aktiviti luar seperti riadah.

"Keadaan persekitaran yang bahaya di mana kanak-kanak dihalang melakukan aktiviti fizikal dan riadah di luar akan mendatangkan risiko obesiti.

"Andaian ini dibuat ekoran tragedi keracunan merkuri di Kumamoto, Jepun yang berlaku pada tahun 1960-an lalu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi taklimat pakar JICA sempena Program Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana di Bilik Gerakan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri, di sini hari ini.

Tambah beliau, insiden pencemaran yang berlaku di negeri ini juga menunjukkan bahawa pembangunan pesat yang sedang berlaku di kawasan sekitar.

"Walaupun tidak dapat memberi penjelasan tepat berhubung pencemaran itu, tidak boleh dinafi pembangunan ekonomi dan teknologi pesat memainkan peranan.

"Seperti kejadian di Kumamoto dahulu, ketika itu Jepun sedang membangun dengan pesat, jadi mungkin ini yang sedang dialami di negeri ini," ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya bersedia menghulurkan bantuan kepada kerajaan negeri sekiranya diminta berbuat demikian.



LAMPIRAN 11
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

INFO

10 POLISI YANG MENDAPAT REAKSI NEGATIF ADALAH:

- Laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) kekal rahsia dan tidak akan didedahkan kepada umum
- Kilang memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) akan diteruskan
- Bilangan slot matrikulasi bertambah daripada 25,000 ke 40,000, tapi kuota kemasukan masih sama
- Menteri Industri Utama, Teresa Kok menggalakkan Ahli Parlimen minum minyak sawit satu sudu sehari.
- Perjanjian menghantar pekerja kolar biru Malaysia ke Jepun
- Pemasangan kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) di 11 kawasan baru
- Kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik mengenai matrikulasi dan peluang pekerjaan
- Status Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam Kabinet selepas skandal beliau dengan bekas Ketua Pemuda PKR Santubong, Haziq Abdullah Abdul Aziz
- Pelantikan Latheefa Koya sebagai Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) oleh Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir Mohamad
- Caj kesesakan di lebuhraya bertol susulan usaha untuk mengambil alih empat syarikat konsesi di Lembah Klang



LAMPIRAN 12
SINAR HARIAN (SELATAN): MUKA SURAT 40
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Irfan bersemangat ke sekolah

Sedia duduki peperiksaan percubaan UPSR minggu depan

AZLINA OTIHMAN

JOHOR BAHRU

Irfan Wafiy Idham Wazir, 12, yang disahkan menghidap *myokymia* tetap bersemangat ke sekolah setiap hari walaupun keadaan kesihatannya kurang memberangsangkan.

Murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bukit Dahlia itu berkata, dia kini sibuk membuat persiapan akhir untuk menghadapi peperiksaan percubaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) minggu depan.

"Masih lagi banyak latihan perlu saya buat. 15 Julai nanti saya akan hadapi peperiksaan percubaan

UPSR.

"Subjek Sains dan Matematik paling saya risau tetapi saya berharap dapat buat yang terbaik untuk peperiksaan percubaan dan peperiksaan sebenar nanti. Saya juga ada mengikuti tuisyen," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Bencana Pencemaran Udara di Sekolah Agama (SA) Taman Marwar di sini semalam.

Irfan Wafiy merupakan antara 47 murid dari sekolah agama Zon Pasir Gudang dan 11 guru agama yang menerima sumbangan disampaikan Pegawai Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru, Johari Musa.

Anak keempat daripada lima beradik itu disahkan menghidap *myokymia* iaitu penyakit saraf seakanakan *parkinson* selepas dipercayai terdedah dengan pencemaran toksik Sungai Kim-Kim Mac lalu.

PENCEMARAN UDARA DI PASIR GUDANG



Irfan Wafiy bersama ibunya, Norlela Abu Hashim, 45.

Bercerita keadaan kesihatannya, Irfan Wafiy berkata, kedua-dua kakinya terasa seperti terkena renjatan elektrik apabila disentuh.

"Setiap hari saya terpaksa ambil lebih 10 biji ubat termasuk ubat sawan tahan sakit dan jantung selain suplemen. Biasanya selepas makan pada jam 2 petang dan sebelum tidur saya jadi mengantuk," katanya yang bercita-cita

mahu menjadi doktor atau saintis.

Sementara itu, Johari berkata, sumbangan menerusi tabung bencana pencemaran udara itu adalah inisiatif Pejabat Pendidikan Islam Johor Bahru.

"Ia adalah hasil kutipan sejak 26 Jun lepas. Pada kali ini penerima membabitkan 47 murid dan 11 guru dari sembilan sekolah yang terjejas dengan insiden itu," katanya.

Mangsa berisiko obesiti

JOHOR BAHRU - Masalah obesiti antara risiko bakal dihadapi kanak-kanak di Pasir Gudang sekiranya masalah pencemaran udara di kawasan berkenaan tidak diatasi dalam tempoh panjang.

Pakar Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA), Dr Shohei Matsuura berkata, pihak berkaitan perlu mengambil iktibar daripada tragedi keracunan merkuri di Kumamoto, Jepun pada 1960-an.

"Semuanya bermula apabila keadaan persekitaran yang bahaya dan golongan kanak-kanak kemudiannya tidak dibenarkan melakukan aktiviti di luar. Ia mungkin akan membawa kepada masalah obesiti

kerana tiada peluang untuk melakukan aktiviti kecergasan atau bersenam.

"Bagaimanapun, perkara ini dilihat dari pelbagai aspek bergantung kepada keadaan sebenar kawasan itu. Cuma berdasarkan apa yang berlaku di Jepun dan insiden tersebut besar, ia mungkin memberi kesan dalam jangka masa beberapa tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sesi perkongsian khas pakar JICA sempena Program Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana di Bilik Gerakan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Johor di sini semalam.

LAMPIRAN 13
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Kementerian perlu adakan kaunseling khas

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan disarankan mengadakan sesi kaunseling khas kepada semua murid, pelajar, guru dan kakitangan di sekolah yang terbahit dengan kes pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor bagi mengurangkan kesan psikologi dan trauma berpanjangan.

Pengarah Pengarah Pusat Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Sa'ad, berkata sesi kaunseling berkenaan perlu kerana kebanyakan warga sekolah terbahit masih terkejut, trauma dan tertekan akibat kejadian pencemaran udara yang berlaku secara tiba-tiba di Pasir Gudang, sejak hampir sebulan lalu.

"Mereka juga perlu diberikan sokongan dan kefahaman mendalam mengenai kaedah atau cara untuk mereka menyelamatkan diri andainya kejadian sama berulang pada masa depan.

"Pendedahan mengenai jenis gas beracun dan cara menanganinya juga perlu supaya mereka tidak panik, sebaliknya mengambil langkah bijak menyelamatkan diri sekiranya insiden pencemaran sekali lagi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Fauziah diminta mengulas sama ada Kementerian Pendidikan patut memberikan khidmat kaunseling kepada ratusan murid, pelajar dan guru mengalami sesak nafas dan muntah, dipercayai akibat pencemaran udara di Pasir Gudang, sejak lebih sebulan lalu.

Pencemaran Pasir Gudang

Kes berulang jejas emosi

Beri perhatian serius kesan psikologi murid bimbang jadi 'parut' sepanjang hayat

Eksklusif

Oleh Mohamed Farid Noh
dan Haika Khazi
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Kesan psikologi murid serta pelajar yang menjadi mangsa berulang pencemaran udara di sini, perlu diberi perhatian serius kerana ia mampu menjadi 'parut emosi' kekal sepanjang hayat.

Pensyarah Kanan Program Psikologi Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Norhayati Ibrahim, berkata mangsa, terutama murid dan pelajar sekolah terjejas perlu diberi kaunseling dan sokongan berterusan bagi membina semula keyakinan mereka.

Katanya, kegagalan memberi bantuan sewajarnya kepada mangsa terjejas akan mewujudkan kesan parut emosi yang bukannya sahaja kekal malah menye-

babkan trauma sepanjang hayat.

"Jangan pandang ringan kesan psikologi ke atas murid dan pelajar yang menjadi mangsa pencemaran udara kerana ia mampu mencetuskan gangguan emosi berterusan.

"Apatah lagi terhadap mangsa pencemaran berulang yang akan mengakibatkan tekanan emosi. Tekanan emosi berulang pula akan mengakibatkan kemurungan.

"Apabila murid atau pelajar tidak mampu menyerap tekanan dan menjadi murung ia berpotensi menjadikan mereka trauma sehingga tidak mahu ke sekolah atau membuat aktiviti luar kerana bimbang terjejas akibat pencemaran," katanya ketika dihubungi BH.

Insiden pencemaran udara sejak 20 Jun lalu menjejaskan ratusan murid dan pelajar sekolah di Pasir Gudang dan kawasan sekitarnya.

Namun, bacaan kualiti udara yang diambil di sekolah terjejas pula mendapati tiada gas kimia berbahaya dikesan.

Pada 22 hingga 27 Jun lalu, semua 111 sekolah rendah dan menengah, tiga intitusi pengajian tinggi (IPT), 347 tadika serta 14 sekolah swasta dan antara-bangsa di Pasir Gudang diarah tutup sementara kerja mengatasi isu pencemaran udara dijalankan pihak berkuasa.

Setakat ini, tiga jenis gas dikesan dalam insiden gangguan kesihatan di Pasir Gudang iaitu gas metil merkaptan, akrilonitril dan akrolein yang kehadirannya satu anomali atau di luar kelaziman.

Ditanya sama ada murid atau pelajar akan mudah terpengaruh atau terkesan jika melihat rakan

Apabila murid atau pelajar tidak mampu menyerap tekanan dan menjadi murung ia berpotensi menjadikan mereka trauma sehingga tidak mahu ke sekolah atau membuat aktiviti luar.

Dr Norhayati Ibrahim,
Pensyarah Kanan Program
Psikologi Kesihatan, Fakulti
Sains Kesihatan, UKM

mereka mendapat simptom pencemaran udara termasuk muntah, sesak nafas dan pitam, Dr Norhayati berkata, tidak dinafikan segelintir mereka akan menerima kesan tekanan lebih tinggi jika menyaksikan insiden simptom berkenaan di depan mata.

"Bagi mangsa yang pernah terjejas, terutama murid yang mempunyai masalah kesihatan, apabila melihat simptom pencemaran berulang, ia mampu meningkatkan tekanan sehingga emosi dan psikologi menjadi tidak stabil sekali gus akan menjejaskan kesihatan mereka sendiri.

"Namun, ia menjadi tanggungjawab pihak sekolah dan Kementerian Kesihatan untuk menyasat dan membuat pemeriksaan lanjut, adakah murid atau pelajar terjejas mangsa yang memerlukan rawatan lanjut atau disebabkan psi-

kologi mereka terganggu dengan keadaan pencemaran yang berulang-ulang," katanya.

Beliau berkata, semua pihak tidak boleh mengambil mudah dan menganggap tiada kesan psikologi kepada murid atau pelajar yang bersekolah di kawasan berlakunya pencemaran udara.

"Kesan psikologi ini tidak nampak tidak seperti kecederaan pada badan yang boleh dirawat, namun kesan emosi yang tidak dirawat mampu memberi impak besar terhadap kehidupan seseorang," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih, Ahmad Yusof Suparman, berkata penutupan berulang sekolah memberi tekanan kepada pelajar yang mahu menghadapi peperiksaan awam.

Katanya, memang ada segelintir pelajar yang gembira apabila sekolah ditutup, namun ramai yang tertekan dan hilang semangat berikutan masih banyak sukat pelajaran yang belum dihabiskan menjelang peperiksaan.

"Paling terjejas adalah pelajar yang menjadi mangsa berulang pencemaran sejak bencana sisa kimia Sungai Kim Kim apabila kebanyakan mereka menjadi sekolah-olah fobia dan bimbang ke sekolah.

"PIBG sudah berbincang dengan pengetua untuk mengadakan program motivasi yang diselenggarakan Kementerian Kesihatan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi meredakan kebimbangan mereka terhadap pencemaran udara," katanya.

LAMPIRAN 14
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 72
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)



AZRINA SOBIAN

ISLAM AND THE ENVIRONMENT

LESSONS WE MUST HEED IN WAKE OF SG KIM KIM CALAMITY

In Islam, Allah ordained humans as caliphs of the Earth and we should be responsible to conserve our natural environment

ABU Hurairah, one of Prophet Muhammad's companions (peace be upon him) said: "The believer (Muslim) will not allow himself to be bitten by the snake twice from the same hole." (Narrated by Bukhari and Muslim).

The hadith (words of Prophet Muhammad) clearly teaches us that we must always be careful not to fall into the same problem or predicament twice.

Unfortunately, the recent Pasir Gudang chemical pollution could be perceived as the opposite of what the hadith tried to teach us.

It seems that we never learnt our lesson. The Pasir Gudang calamity, which refers to the areas around Sungai Kim Kim and in Taman Mawar, are not the only environmental tragedy that repeatedly happens in Malaysia.

We should also not forget the landslides due to agricultural activities that recur in Cameron Highlands for example.

These are some of the examples of our lackadaisical attitude towards our environment and natural resources. We seem to be ignorant and arrogant towards the environment. We disregard our responsibilities to conserve our natural environment.

In Islam, Allah has appointed humans as the caliphs of the Earth. The position is great and noble, but as the caliph of Allah we also have many responsibilities and one of them is to protect the natural world.

In order to protect the environment, we must seek knowledge on how it works. Scientific and technological knowledge of the environment are vital but so are the spiritual and cultural understanding of it. For example in Islam, there are six basic principles Muslims must understand regarding the environment.

These principles are the oneness of Allah and His creations (*tawhid*), nature as a sign of Allah's greatness (*ayat*), humans as



There are laws and regulations to protect the environment but we seem to be ignorant and arrogant towards nature. FILE PIC

In Islam, there are six basic principles which Muslims must understand regarding the environment which are oneness of Allah and His creations (*tawhid*), nature as a sign of Allah's greatness (*ayat*), humans as the caliph, fulfilling our responsibility in this world (*amanah*), to uphold justice (*adl*) and living in balance with nature (*mizan*).

the steward of the Earth (*caliph*), our responsibility to fulfil our role in this world (*amanah*), to uphold justice (*adl*) and living in balance with nature (*mizan*).

These six principles not only need to be understood but also extended in the form of actions to help conserve the environment.

We desperately need further and better action to protect our environment in order to have a better quality of life, not only for humans but other living creatures as well. This is the obligation and responsibility of all parties including the government, community and individuals.

There will be more cases like the Sungai Kim Kim and Taman Mawar incidents if we fail to protect the environment.

There is a quote which says "mistakes are made, lessons are learned". Therefore, for every mistake we make, we must be able to learn something valuable from it. This is also true in the Pasir Gudang case.

To begin with, the problem needs to be addressed with tighter monitoring. In Malaysia,

there are laws and regulations to protect the environment and these must be strictly implemented without any discrimination. If we fail to implement them, then the laws and regulations will be the laughing stock of unscrupulous parties.

Secondly, these incidents prove that the various ecosystems have no boundaries.

In the case of Sungai Kim Kim, hazardous chemicals were dumped into the river and the evaporation process of the toxic materials polluted the air.

In the end, the dangerous chemicals affected the residents and animals in the area and they required urgent treatment. This clearly demonstrates that one type of pollution can lead to another.

The river pollution can lead to air pollution which eventually harms humans and other living creatures.

Obviously, there are no boundaries in nature. In many cases, one may not avoid becoming a victim even if the actual pollution occurs in other areas.

Finally, the community should be empowered to become observers or act as a "watchdog" in their surrounding area or environment. This is crucial so that they can identify any environmental problems and lodge complaints immediately. Likewise, any complaints received must be treated fairly and responded to promptly.

In conclusion, it is important to learn a lesson from the environmental problems that occur. We should then take the necessary actions to overcome them.

We must also understand that there is no benefit in destroying nature. When nature strikes back, we will have to face the consequences and, as mere human beings, we will not be able to protect ourselves.

There is no point in living against nature. We are part of it and must learn to live in harmony with the environment.

The writer is Fellow, Centre for Science and Environment Studies, Institute of Islamic Understanding Malaysia

LAMPIRAN 15
HARIAN METRO (NUANSA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

TUNTUT BEBAS
PENCEMARAN

Aktivis mohon isu kepincangan alam
sekitar jadi perbincangan serius

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Perhimpunan Iklim 2019
disertai lebih 50 aktivis
alam sekitar mula berarak
dari Masjid Jamek hingga ke
Dataran Merdeka pada Ahad
lalu sebagai tanda solidariti
kepada deklarasi Malaysia
terhadap Darurat Perubahan
Iklim dunia.

Deklarasi berkenaan
bagi membolehkan isu
kepincangan alam sekitar
diperbincangkan secara
serius seperti langkah
diambil beberapa negara
termasuk Kanada.

Demonstrasi yang ber-
langsung dengan aman an-
juran Klima Action Malaysia
(KAMY) itu menyenaikan
sembilan tuntutan memba-
bitkan langkah yang perlu
diambil kerajaan dalam
menangani isu perubahan
iklim secara serius.

Menurut Koordinator
Perhimpunan Iklim 2019
dan aktivis KAMY, Ili Nadiyah

Dzulfakar, isu perubahan
iklim kian meruncing dan
menyedarkan semua pihak
bahawa situasi dialami
Malaysia ketika ini adalah
'parah'.


Merujuk kepada masalah
pencemaran kimia melanda
penduduk Pasir Gudang,
Johor dan Kuala Koh,
Kelantan membabitkan
masyarakat Orang Asli Batek
sehingga berlaku kehilangan
nyawa, seharusnya memberi
kesedaran pentingnya
pengsytiharan darurat
iklim di peringkat umum.

"Kami mahu perubahan
iaitu pihak berkuasa
mula memikirkan kesan
jangka panjang iaitu
kemusnahan hutan semula
jadi tidak terkawal akibat
pembangunan tidak
terkawal.

"Demonstrasi aman
pada hari ini bukanlah
menandakan kami
mahu menentang tetapi
menyuarakan kebimbangan
terhadap masalah yang



TUNTUTAN maklumat lebih telus berkaitan isu alam sekitar.



LAUNGAN wakil NGO serius menangani isu alam sekitar.

Demonstrasi
aman ini
bukanlah
menandakan
kami mahu
menentang
tetapi
menyuarakan
kebimbangan
terhadap
masalah
yang timbul
kebelakangan ini

ILI NADIAH



DEMONSTRASI aman menuntut darurat iklim diisytiharkan.

timbul kebelakangan ini
akibat pencemaran kimia,
kerusakan hutan dan aktiviti
peladangan tidak terkawal.

"Kedudukan Malaysia
merosot iaitu berada pada
tangga ketiga dalam senarai
negara membebaskan
karbon tertinggi di udara
selepas China dan Indonesia,
manakala keluasan hutan
semula jadi turun mendadak
hingga kepada 18 peratus
dibandingkan 20 tahun lalu,
ia bukanlah sesuatu yang
boleh kita banggakan.

"Didorong semua faktor
ini, iklim paling terkesan
termasuk perubahan suhu
iaitu meningkat 1.5 darjah
Celsius dikatakan serius
dalam kalangan saintis dunia.

"Jadi kami memerlukan
sokongan penduduk
Malaysia terutamanya
agar kita semua sedar hak
menikmati alam semula
jadi yang bersih serta
persekitaran selamat
menerusi tuntutan saluran
yang boleh didengari pihak
berwajib," katanya.
Sementara itu wakil

Pertubuhan Pelindung
Khazanah Alam (PEKA)
Malaysia Sophie Tann
berkata, kehadiran
bersama aktivis pelbagai
NGO ini sebagai tanda
bersatu hati. Ia diharap
membuka mata masyarakat
umum mengenai masalah
alam sekitar semakin
serius.

"Saya mahu pembabitkan
lebih ramai belia kerana
mereka ini yang akan
meneruskan hidup bersama
alam yang semakin 'sakiti'
pada masa akan datang.

"Hutan dan pokok selain
sumber oksigen ialah
penapis biologi semula
jadi dalam membekalkan
sumber air bersih tetapi
apabila diancam dengan
semua aktiviti berkenaan
bukan saja kita tiada
simpanan air bersih untuk
masa depan, air sedia
ada turut tercemar. Jadi
fikirkanlah kehidupan
yang macam mana anda
mahukan selepas peristiwa
Sungai Kim Kim atau Kuala
Koh," katanya

LAMPIRAN 16
KOSMO! (KOMUNITI): MUKA SURAT 44
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)



SEBAHAGIAN pelajar Unisel bergotong-royong membersihkan pantai pada Program Kesedaran Alam Sekitar di Pantai Remis, Jeram, di Selangor baru-baru ini.

Pelajar Unisel kutip 150kg sampah di Pantai Remis

GOTONG-ROYONG. Sebanyak 150 kilogram (kg) sampah berjaya dikutip 48 penuntut Universiti Selangor (Unisel) menerusi Kempen Bebas Plastik sempena Program Kesedaran Alam Sekitar bertemakan Sayangi Pantai Kita di Pantai Remis, Jeram, Selangor baru-baru ini.

Pengarah program, Mohd. Ashraf Hanapi



berkata, kesemua peserta merupakan penuntut yang mengambil subjek Khidmat Masyarakat dan mereka melahirkan rasa gembira kerana dapat melaksanakan tanggungjawab mengekalkan kebersihan alam sekitar.

Jelasnya, program itu juga diadakan bagi memupuk semangat kerjasama dan semangat kesukarelawan dalam diri setiap peserta.



LAMPIRAN 17 KOSMO! (KOMUNITI): MUKA SURAT 43 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Banjir kilat landa Washington D. C.

WASHINGTON - Hujan lebat yang berlaku di bandar raya Washington D. C. dan kawasan sekitarnya kelmarin menyebabkan banyak kawasan kejiranan ditenggelami air selain bekalan elektrik dan rangkaian pengangkutan terputus.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) mengeluarkan satu notis Amaran Banjir Kilat selepas ribut melanda, menenggelamkan jalan raya selain mendorong banyak laluan utama ditutup. Beberapa lapangan terbang dan rangkaian rel turut terjejas.

Lapangan Terbang Ronald Reagan di ibu negara Amerika

Syarikat (AS) menerima purata taburan hujan kira-kira 83 milimeter dalam tempoh satu jam, menurut NWS di Twitter.

Rakaman oleh stesen-stesen televisyen tempatan dan beberapa laman sosial media menunjukkan air berhampiran beberapa mercu tanda utama seperti Monumen Washington.

Bilik kebal utama di bangunan Arkib Kebangsaan yang menyimpan sejumlah dokumen paling penting dalam sejarah AS turut ditenggelami air dan bekalan elektrik terpaksa diputuskan.

"Deklarasi Kemerdekaan, Per-

lembagaan dan Deklarasi Hak Rakyat bersama semua dokumen berharga yang disimpan di dalam bangunan itu adalah selamat dan tiada ancaman," menurut institusi tersebut dalam satu kenyataan.

White House juga berdepan ancaman banjir selepas beberapa rakaman koresponden dan laman berita menunjukkan air mula bertakung di dalam salah sebuah ruang bawah tanahnya.

Perkhidmatan kecemasan mengesahkan menerima berpuluh-puluh panggilan daripada orang awam yang meminta bantuan. Tiada kematian dilaporkan setakat ini. - AFP



JABATAN BOMBA DAN PERKHIDMATAN KECEMASAN WASHINGTON
SEORANG anggota bomba menggunakan bot getah memindahkan mangsa yang terperangkap akibat banjir di Washington D. C. kelmarin.

LAMPIRAN 18
SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 50
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Enggan jadi lubang sampah

Indonesia hantar pulang 210 tan sisa pepejal ke Australia

JAKARTA

Indonesia semalam memaklumkan ia akan menghantar semula lebih 210 tan sampah ke Australia selepas beberapa negara Asia Tenggara lain mengambil langkah sama memulangkan semula kontena sampah yang diexport negara kaya.

Jurucakap Agensi Kastam Jawa Timur memaklumkan lapan kontena yang dirampas di bandar Surabaya itu bukan hanya sisa kertas malah ia juga mengandungi bahan berbahaya termasuk botol plastik, lampin pakai buang terpakai, e-sisa dan tin.

"Pemeriksaan yang dilakukan Kementerian Alam Sekitar Indonesia menyarankan kesemua kontena itu dieksporth semula. Langkah ini dibuat untuk melindungi orang ramai dan alam sekitar terutamanya di Jawa Timur daripada sisa sampah berbahaya dan toksik atau B3," katanya yang turut menjelaskan kontena sampah itu dihantar oleh firma dari Australia, Oceanic Multitrading.

Minggu lalu, Jakarta turut mengumumkan ia menghantar semula 49 kontena sisa sampah ke Perancis dan negara maju lain.

Keputusan China melarang import sisa plastik asing pada 2018 telah menyebabkan kitar semula global terjejas dan mengakibatkan negara membangun terutamanya di Asia Tenggara terpaksa menanggung masalah tersebut.

Mei lalu, Malaysia juga mengambil langkah tegas menghantar



Seorang pegawai kastam memeriksa sisa sampah dari Australia yang dirampas di bandar Surabaya.

pulang 450 tan sisa plastik ke negara asalnya termasuk Australia, Bangladesh, Kanada, China, Jepun, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

Bulan lalu, Filipina turut melakukan tindakan sama menghantar semula 69 kontena sisa sampah ke Kanada.

Menurut Tabung Alam Sedunia (WWF), kira-kira 300 juta tan sisa plastik dihasilkan pada setiap tahun dan kebanyakannya kini mencemari laut serta mengancam hidupan marin dan menjadi krisis antarabangsa yang semakin membimbangkan. - AFP

LAMPIRAN 19
 NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 76
 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

FOREIGN TRASH

Indonesia to ship back 210 tonnes of waste to Australia

JAKARTA: Indonesia said yesterday it would send more than 210 tonnes of garbage back to Australia, as Southeast Asian nations push back against serving as dumping grounds for foreign trash.

The eight containers seized in Surabaya city should have contained only waste paper, but authorities also found hazardous material and household trash including plastic bottles and packaging, used diapers, electronic waste and cans, a spokesman for the East Java Customs agency said.

Following the inspection, the Indonesian environment ministry recommended "the items be

re-exported," the agency said in a separate statement on Monday.

"This is done to protect the public and Indonesian environment, especially in East Java, from B3 waste," it added, referring to hazardous and toxic materials.

Australian company Oceanic Multitrading sent the waste to Indonesia with help from Indonesian firm PT. MDI, authorities said.

China's decision last year to ban imports of foreign plastic waste threw global recycling into chaos, leaving developed nations struggling to find places to send their accumulating waste.

Huge quantities of rubbish

have since been redirected to Southeast Asia, but opposition to handling exported trash is growing in the region.

Indonesia announced last week it was sending back 49 containers full of waste to France and other developed nations.

In May, neighbouring Malaysia announced it was shipping 450 tonnes of imported plastic waste back to its sources, including Australia, Bangladesh, Canada, China, Japan, Saudi Arabia and the United States.

The Philippines, meanwhile, returned 69 containers of rubbish back to Canada last month, putting an end to a diplomatic row between the two countries.

Global concern over plastic pollution has been spurred by shocking images of waste-clogged rivers in Southeast Asia and accounts of dead sea creatures found with kilos of refuse in their stomachs.

Around 300 million tonnes of plastic are produced every year, according to the Worldwide Fund for Nature (WWF), with much of it ending up in landfills or polluting the seas, in what has become a growing international crisis. **AFP**

Page 75 pic: A Customs officer inspecting containers filled with trash from Australia at a port in Surabaya yesterday . REUTERS PIC

LAMPIRAN 20
THE STAR (ASEAN): MUKA SURAT 19
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Indonesia to send back waste

Containers of hazardous trash to be returned to Australia

JAKARTA: Indonesia says it will send more than 210 tonnes of garbage back to Australia as South-East Asian nations push back against serving as dumping grounds for foreign trash.

The eight containers seized in Surabaya city should have contained only waste paper, but authorities also found hazardous material and household trash including plastic bottles and packaging, used diapers, electronic waste and cans, a spokesman for the East Java customs agency said yesterday.

Following the inspection, the Indonesian environment ministry recommended that "the items be re-exported," the agency said in a separate statement on Monday.

"This is done to protect the public and Indonesian environment, especially in East Java, from B3 waste," it added, referring to hazardous and toxic materials.

Australian company Oceanic Multitrading sent the waste to Indonesia with help from Indonesian firm PT MDI, authorities said.

China's decision last year to ban imports of foreign plastic waste threw global recycling into chaos, leaving developed nations struggling to find places to send their waste.

Huge quantities of rubbish have since been redirected to South-East



Too much trash: An Indonesian customs officer holding up a newspaper from a container of rubbish from Australia at a port in Surabaya. — AFP

Asia, but opposition to handling exported trash is growing in the region.

Indonesia announced last week that it was sending back 49 containers full of waste to France and other developed nations.

In May, neighbouring Malaysia announced that it was shipping 450 tonnes of imported plastic waste back to its sources, including Aust-

ralia, Bangladesh, Canada, China, Japan, Saudi Arabia and the United States.

The Philippines returned about 69 containers of rubbish back to Canada last month, putting an end to a diplomatic row between the two countries.

Global concern over plastic pollution has been spurred by shocking images of waste-clogged rivers in

South-East Asia and accounts of dead sea creatures found with kilos of refuse in their stomachs.

Around 300 million tonnes of plastic are produced every year, according to the Worldwide Fund for Nature.

Much of it ends up in landfills or pollutes the seas, in what has become a growing international crisis. — AFP

LAMPIRAN 21
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Saintis cipta makanan daripada udara

HELSINKI, Finland – Syarikat Finland, Solar Foods menemui kaedah unik menghasilkan makanan kaya protein dinamakan Solein dengan menggunakan tenaga elektrik, air dan udara, lapor portal berita *MyJoyOnline*.

Makanan itu dihasilkan menerusi proses penapaian.

Dianggap protein paling mesra alam di dunia, Solein dihasilkan dengan mengalirkan arus elektrik di dalam air untuk membebaskan buih-buih mengandungi karbon dioksida dan hidrogen.

Mikrob hidup ditambah ke dalam cecair tersebut dan memakan buih-buih karbon dioksida serta hidrogen, seterusnya menghasilkan Solein yang kemudian dikeringkan untuk dijadikan serbuk.

Penghasilannya melibatkan

proses penapaian seperti membuat bir tetapi memerlukan sebuah reaktor khas

Solein kering itu mengandungi 50 peratus kandungan protein. Ia kelihatan dan memiliki rasa seperti tepung gandum.

Makanan itu boleh digunakan dalam semua jenis diet.

“Solein adalah makanan jenis baharu, berbeza daripada semua makanan di pasaran hari ini. Makanan ini tidak memerlukan proses pertanian atau penternakan untuk menghasilkannya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Solar Foods, Dr. Pasi Vainikka kepada akhbar *The Guardian*.

Makanan menakjubkan itu boleh dihasilkan di mana-mana sahaja di dunia. Ia adalah menjimatkan tenaga dan mesra alam sekitar.

– Agensi



SOLEIN berbentuk serbuk dan memiliki rasa tepung gandum dihasilkan di sebuah makmal di Helsinki, Finland baru-baru ini.

LAMPIRAN 22
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 42
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Indonesia pulangkan sampah Australia

JAKARTA - Indonesia semalam memaklumkan akan memulangkan lebih 210 tan sampah ke Australia, pada ketika negara-negara Asia Tenggara cuba mengelak daripada menjadi tong sampah tapak pelupusan sampah negara asing.

Sebanyak lapan kontena yang dirampas di bandar Surabaya itu sepatutnya mengandungi sampah kertas tetapi pihak berkuasa turut menemui bahan berbahaya dan sampah lain seperti botol dan pembungkus plastik, lampin pakai buang, tin serta sisa elektronik, kata seorang jurucakap kepada Kastam Jawa Timur kepada agensi berita AFP.

Kementerian Alam Sekitar Indonesia mencadangkan 'bahan itu dihantar pulang', tambah Kas-



PEGAWAI kastam Indonesia memeriksa kontena yang dipenuhi sampah dari Australia di sebuah jelabuhan di Surabaya semalam. AFP

tam Indonesia dalam satu kenyataan berasingan kelmarin.

"Tindakan diambil bagi melindungi orang awam dan alam sekitar Indone-

sia khususnya di Jawa Timur daripada sisa jenis B3," jelas kenyataan itu yang merujuk kepada bahan toksik dan berbahaya.

Syarikat Australia, Oceanic Multitrading dikesan menghantar sampah itu ke Indonesia menerusi bantuan firma tempatan, PT. MDI, kata pihak berkuasa.

Keputusan China untuk mengharamkan import sebarang sisa plastik pada tahun lalu menyebabkan sistem kitar semula global kucar-kacir, menyebabkan negara-negara maju mencari tapak pelupusan baharu. Sejumlah besar sampah itu sudah dihantar ke Asia Tenggara.

Minggu lalu, Indonesia mengumumkan kiriman pulang 49 kontena yang dipenuhi sampah ke Perancis dan beberapa negara maju lain. - AFP

LAMPIRAN 23
 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 79
 TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)



D
Dunia
 bh dunia@bh.com.my

Indonesia 'hantar balik sampah' ke Australia

Jakarta pulangkan lebih 210 tan sisa buangan negara asing

Jakarta: Indonesia sudah bersedia untuk memulangkan lebih 210 tan sampah ke Australia ketika beberapa negara di Asia Tenggara mula 'menutup

pintu' untuk menjadi 'tuan rumah' kepada sisa buangan dari negara asing. Pemerintah di rantau ini beranggapan ini adalah cara terbaik untuk menyekat negara Barat daripada mencampak sisa buangan, di sini secara sewenang-wenangnya. Setidak-tidaknya tindakan oleh negara ASEAN ketika ini akan memaksa mereka mengatasi masalah sendiri dan bukan membebankan negara sedang membangun di rantau ini. Difahamkan, lapan kontena

yang dirampas di Surabaya itu sepatutnya mengandungi kertas skrap bersih, namun turut mengandungi bahan berbahaya dan sisa isi rumah, termasuk botol plastik dan pembalut, lampin pakai buang, sisa elektronik dan tin minuman, menurut jurucakap agensi kastam Jawa Timur kepada AFP. Susulan pemeriksaan itu, kementerian alam sekitar Indonesia menyarankan sisa berkenaan dipulangkan semula, kata agensi berkenaan dalam satu kenyataan berasingan, semalam.

"Langkah ini diambil bertujuan melindungi orang awam dan alam sekitar Indonesia, terutama di Jawa Timur daripada sisa B3 yang merujuk kepada bahan berbahaya dan bertoksik." Menurut pihak berkuasa, sisa itu dihantar ke Indonesia oleh syarikat Oceanic Multitrading Australia dibantu PT MDI, Indonesia. Malaysia, baru-baru ini bertindak memulangkan semula 450 tan sisa buangan plastik import ke negara asal termasuk Australia, Bangladesh, Ka-

nada, China, Jepun, Arab Saudi dan Amerika Syarikat (AS). China yang sebelum ini menerima sampah plastik dari seluruh dunia, mula menutup pintu terhadap negara asing bermula tahun lalu sebagai sebahagian usaha membersihkan alam sekitar mereka. Masalah ini dikatakan bermula di Asia Tenggara pada awal 2018 selepas China berhenti menerima sisa buangan plastik dan kitaran semula dari semua negara kerana peka kepada isu alam sekitar. AFP

LAMPIRAN 24
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
TARIKH: 10 JULAI 2019 (RABU)

Indonesia hantar balik sampah

Jakarta: Indonesia berkata ia akan menghantar balik lebih 210 tan sampah ke Australia dalam pada negara Asia Tenggara menegaskan pendirian tidak dijadikan tempat pembuangan sisa oleh negara asing.

Lapan kontena dirampas di Surabaya itu sepatutnya mengandungi kertas, sebaliknya pihak berkuasa menemui bahan berbahaya dan sampah isi rumah termasuk botol plastik, lampin terpakai, sisa elektronik serta tin, kata jurucakap agensi kastam Jawa Timur kepada AFP.

Susulan itu, kementerian alam sekitar Indonesia menyarankan 'bahan berkenaan dieksport semula,' kata agensi terbabit dalam satu kenyataan.

"Ini dilakukan bagi me-

lindungi orang awam dan alam sekitar Indonesia terutama di Jawa Timur daripada sisa B3," katanya.

Sisa B3 adalah bahan berbahaya dan toksik.

Syarikat Australia, Oceanic Multitrading menghantar sisa berkenaan ke Indonesia dengan bantuan syarikat tempatan, PT MDI, kata pihak berkuasa.

Keputusan China tahun lalu untuk mengharamkan pengimportan sisa plastik asing mencetuskan kekecohan dunia apabila negara maju mencari lokasi baharu untuk menghantar sisa mereka.

Sejak itu sejumlah besar sampah dihantar ke Asia Tenggara, namun kini rantau itu membantah mengendalikannya dari negara luar.

- AFP